

Cadangan oleh Idris bin Haji Bohari, 620726-13-5703, No. 5, Lrg.7A1,  
Taman Malihah, Matang, 93050 Kuching, Sarawak

---

## **1. PERMIT POLIS**

Cadangan **pertama** saya ini diambil dari peristiwa pertengkaran, pergaduhan kecil sewaktu pilihanraya DUN Pantai Damai yang lalu di Kampung Boyan dan Bandar Baru Rampangi. Kenapa pergaduhan ini boleh berlaku? Perkara ini tidak mungkin boleh terjadi kalau tiada provokasi diantara kedua-dua pihak, malahan **sifat sengaja pihak berkuasa** yang memberi permit berkempen untuk mengadakan ceramah umum ditempat yang berhampiran, terlalu dekat pada masa dan waktu yang sama.

Perkara ini boleh dielakkan kalau permit hanya diluluskan kepada pihak yang terdahulu atau lebih awal diberikan. Maka itulah untuk menjadikan pengurusan dan perjalanan pilihanraya itu lebih baik, cadangan saya ialah pihak polis hendaklah **memberi permit dengan lebih bijaksana** tanpa dilihat oleh pihak pembangkang sebagai kelulusan yang sengaja dilakukan bagi memberi ruang kemenangan kepada parti pemerintah / BN.

## **2. CERAMAH UMUM**

**Kedua**, SPR sebagai badan pelaksana dan yang mengurus pilihanraya hendaklah bertanggungjawab untuk menyediakan **pentas ceramah umum untuk setiap parti atau calon berkempen mengikut giliran malam atau masa**. Cara begini akan lebih teratur dan tidak akan menimbulkan provokasi yang tidak sihat, mudah dikawal dan rakyat pasti selesa dengan cara ini.

Kalau ini boleh dilakukan maka tidak timbul permit polis diperlukan dalam masa pilihanraya. Memohon permit polis ketika pilihanraya

**merumitkan kerana kelulusan hanya diketahui selepas jam 3 atau 4 petang pada hari itu.**

**Malahan aktiviti semasa pilihanraya ialah berkempen, berhimpun dan berkumpul setiap masa dan waktu.**